

Headline	Tindakan Tun M beri kesan buruk kepada negara		
MediaTitle	Utusan Malaysia	Language	Malay
Date	15 Jul 2016	Readership	563,000
Circulation	171,663	Page No	6
Section	Dlm Negeri	Journalist	N/A
ArticleSize	266 cm ²		
PR Value	RM 15,772		



HANAFI MAMAT (dua kiri) beramah mesra dengan tetamu yang hadir pada Sambutan Rumah Terbuka Aidilfitri di Pasir Mas, Kelantan, semalam.

Tindakan Tun M beri kesan buruk kepada negara

PASIR MAS 14 Julai - Tindakan Tun Dr. Mahathir Mohamad yang didakwa menjadikan Tenaga Nasional Berhad (TNB) sebagai platform untuk melancarkan serangan baharu terhadap Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak akan memberi kesan buruk kepada negara.

Setiausaha Badan Perhubungan UMNO negeri, Datuk Hanafi Mamat berkata, tindakan Dr. Mahathir yang secara berterusan menyering Najib juga menunjukkan bahawa bekas Perdana Menteri itu tidak mempunyai semangat sayangkan negara.

“Saya kecewa dan sedih dengan apa yang berlaku ketika ini, sebagai seorang negarawan beliau (Dr. Mahathir) sanggup menjatuhkan kera-

jaan menggunakan cara tidak sah.

“Sepatutnya Dr. Mahathir memberikan sokongan padu kepada Najib untuk terus memimpin negara kerana kepemimpinan yang ada pada hari ini telah dipilih secara sah oleh rakyat menerusi pilihan raya,” katanya selepas Majlis Sambutan Rumah Terbuka Aidilfitri di sini hari ini.

Beliau berkata demikian sebagai mengulas dakwaan Pengendali blog *Malaysia Today*, Raja Petra Kamaruddin bahawa Dr. Mahathir menjadikan TNB sebagai platform untuk melancarkan serangan baharu terhadap Najib.

Dakwa Raja Petra, Dr. Mahathir cuba memastikan Perjanjian Pembelian Tenaga (PPA) antara TNB dan YTL Power International Bhd. (YTL

Power), tidak akan diteruskan.

Malah menurut Raja Petra, Dr. Mahathir juga seolah-olah mahu menunjukkan kepada Najib bahawa beliau masih mempunyai kuasa untuk membuat keputusan, sekali gus mahu menjatuhkan air muka Najib secara terang-terangan.

Sementara itu Hanafi berkata, Dr. Mahathir sepatutnya sedar keseluruhan pimpinan UMNO telah memberikan sokongan penuh kepadanya ketika menjadi Perdana Menteri dahulu.

“Tiada seorang pun dalam kalangan pemimpin ketika itu membuat gerakan untuk menjatuhkan Dr. Mahathir, sebaliknya kami memberikan sokongan penuh untuk terus memimpin negara,” katanya.